Militan: Jabatan Agama diminta pantau pelajar ke luar negara

UM 27 JAN 2002

KUALA LUMPUR 26 Jan. — Kerajaan telah meminta kerjasama Jabatan Agama Islam negeri-negeri untuk memantau penghantaran pelajar ke luar negara bagi memastikan mereka tidak terjebak dalam kegiatan militan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin berkata, permintaan itu dibuat kerana kerajaan mempunyai bukti ada madrasah di negara tertentu yang menjadikan Islam sebagai topeng bagi menghasut pelajar menentang pemerintah.

"Kita meminta kerjasama pihak berkuasa agama negeri kerana kebanyakan pelajar terbabit ditaja oleh kerajaan negeri dan pihak persendirian," katanya kepada pemberita selepas melawat ibu pejabat Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim) di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam yang melahirkan rasa khuatir terhadap kecenderungan ibu bapa menghantar anak mereka belajar di Pakistan serta tempat lain atas alasan belajar agama.

Menurut Perdana Menteri, ini kerana ada kanak-kanak yang belajar di Pakistan mengaku tidak belajar agama sebaliknya mempelajari cara-cara menjatuhkan kerajaan.

Abdul Hamid berkata, pendekatan bersepadu dengan kerjasama Jabatan Imigresen juga akan dilakukan bagi menyiasat latar belakang pelajar yang pulang dari negara yang telah dikenal pasti.

"Saya tidak boleh mendedahkan nama negara terbabit kerana ia melibatkan isu sensitif, tetapi saya boleh sahkan kegiatan menghasut ini berlaku di banyak negara," ujarnya.

Beliau turut meminta ibu bapa supaya mendapat maklumat terperinci latar belakang madrasah yang bakal menjadi tempat anak mereka belajar.

"Ibu bapa dinasihatkan supaya tidak terlalu mudah menghantar anak mereka belajar secara bersendirian di luar negara kerana mereka mungkin terjebak dengan kegiatan pelampau," tegasnya.

Abdul Hamid juga melahirkan rasa kesal dengan tindakan tidak bertanggungjawab madrasah di beberapa negara tertentu yang mengajar fahaman-fahaman yang tidak berkaitan dengan ajaran Islam sebenar.

"Pelajar ini mempunyai pengetahuan Islam yang amat cetek apabila pulang kerana sibuk mempelajari perkara-perkara yang tidak berkaitan dengan agama dan ini boleh membantut perkembangan Islam di Malaysia," ujarnya.

Sementara itu, Abdul Hamid berkata, Yadim akan menerima peruntukan tahunan lebih besar iaitu sebanyak RM4.3 juta berbanding RM2 juta sekarang.